

Belia tanding main gasing

Festival Gasing 2013 turut perkenal gasing polimer hasil penyelidikan UPM



RENCANA

Oleh Siti Salmiah A Hamid
salmiah@mediaprima.com.my

Negara sememangnya kaya dengan pelbagai permainan tradisional rakyat seperti congkak, sepak raga dan wau malah setiap negeri mempunyai corak dan peraturan mereka tersendiri.

Gasing, antara permainan popular tradisional yang masih bertahan, namun perlu diperluaskan kebangkitannya agar belia dan remaja masa kini tidak lupa keindahan permainan ini.

Permainan ini dahulunya amat terkenal dalam kalangan orang tua. Justeru, tidak hairanlah ia mula mendapat perhatian kumpulan dan persatuan yang mahu ia diteruskan.

Pahang terkenal dengan permainan gasing kunonya, Johor dengan gasing tala, Kelantan terkenal dengan gasing uri, sementara Sabah dan Sarawak dikenali seba-

gai gasing Borneo.

Khuatir sekiranya permainan gasing ini semakin dilupakan masyarakat, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Persekutuan Gasing Malaysia (PEGAMA) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Festival Gasing 2013, baru-baru ini.

Festival yang diadakan ini adalah manifestasi lanjutan ke arah pembangunan permainan gasing tradisi, selain memperkenalkan penggunaan gasing polimer hasil daripada penyelidikan di Fakulti Kejuruteraan UPM.

Meskipun masih baru, festival berkenaan dapat menarik lebih 78 pemain yang mewakili 13 pasukan dari seluruh negara, termasuk UPM dan 1Malaysia. Semua pasukan diwakili pemain berusia antara 16 hingga 18 tahun.

FELDA Sungai Kema-

hal, Triang, Pahang muncul juara Pertandingan Gasing pada Festival Gasing 2013, sekali gus meraih wang tunai RM2,000 berserta sijil dan plak.



SITUASI pertandingan gasing polimer di UPM mendapat soraikan dan tepukan hangat penonton.



AKSI salah seorang pemain daripada pasukan Negeri Sembilan.

Pengerusi Persatuan Gasing Pangkah FELDA Sungai Kemahal, Mohd Shaituddin Baba, 46, berkata meskipun pemain sudah biasa dideakah dengan gasing kayu, penggunaan gasing polimer masih ada cabaran-

nya.

"Gasing polimer lebih ringan berbanding gasing



PEMENANG tempat pertama, kedua dan ketiga bergambar beramai-ramai bersama tetamu kehormat selepas majlis penyampaian hadiah pertandingan Festival Gasing 2013 di UPM, Serdang.

kayu. Pemain harus berhati-hati untuk mengawal kelajuan sewaktu memangkah," katanya.

Tambahnya lagi, ia adalah kejuaraan pertama bagi kumpulan itu menerusi kategori remaja sejak penubuhannya 31 tahun lalu.

Pasukan Negeri Sembilan daripada Felda Palong 3 boleh tersenyum bangga

apabila dinobatkan sebagai naib juara, diikuti Kedah di tempat ketiga yang membolehkan masing-masing membawa pulang RM1,800 dan RM800 berserta sijil dan plak.

Hadiyah disampaikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Profesor Dr Mohammad Shatar Sabran, diiringi Ketua Pengarah JKKN, Datuk Norliza Rofli.